

Pensyarah wanita ingkar perintah

HM / 18 06 08 2007 / MS 18

KUALA LUMPUR: Seorang pensyarah wanita Universiti Teknologi Mara (UiTM) menghadapi tindakan menghina mahkamah selepas gagal mematuhi perjanjian penyelesaian cerai yang dipersejajui bersama bekas suaminya.

Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah, Mohd Syakir Abdul Hamid, memberi tempoh 30 hari kepada Rohana

Kamaruddin, 42, untuk mematuhi perintah mahkamah dengan menarik balik laporan polis yang dibuat terhadap bekas suaminya, Ikmal Hisham Abdul Aziz, 41.

Mohd Syakir dalam penghakimannya berkata, kedua-dua pihak sudah menandatangani perjanjian yang disahkan mahkamah sebagai satu perintah pada 7 November 2003.